SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2023 Pengajian Am Semester 2 Melaka (KPM Tun Fatimah) + Skema

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAHAGIAN A (15 markah)

Jawab **semua** *soalan. Tulis jawapan dalam ruangan yang disediakan.*

1. Huraikan **dua** hasrat negara yang ingin dicapai melalui Rukun Negara. [4]

   a) _____

   _____

   _____

   b) _____

   _____

   _____

2. Nyatakan **empat** kepentingan membina negara maju dan sejahtera. [4]

   a) _____

   _____

   b) _____

   _____

   c) _____

   _____

   d) _____

   _____

3. Nyatakan **tiga** jenis Rancangan Pembangunan Negara yang dilaksanakan di Malaysia. [3]

   a) _____

   b) _____

   c) _____

4. Nyatakan **empat** Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dalam Program Transformasi Ekonomi (PTE). [4]

   a) _____

   b) _____

   c) _____

   d) _____

BAHAGIAN B (20 markah)

Jawab **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini. jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.*

5. Berdasarkan kepada maklumat di bawah, sediakan satu graf yang sesuai untuk menunjukkan **bilangan pelajar** yang mengikut kursus peringkat Diploma dan Ijazah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan mengikut kumpulan etnik pada tahun 2004 dan tahun 2009. [20]

Rakyat bagi sesebuah negara menjadi aset penting untuk pembangunan negara. Pelbagai bidang dapat dimajukan apabila rakyat sesebuah negara itu berpendidikan tinggi. Justeru, kerajaan Malaysia telah memberi perhatian yang serius tentang pendidikan rakyatnya. Dalam satu kajian yang telah dijalankan, terdapat peningkatan yang berterusan bilangan pelajar semua kaum di negara ini yang mengikuti kursus pada peringkat diploma dan ijazah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Bilangan pelajar yang paling tinggi ialah pelajar Melayu atau Bumiputera. Pada peringkat diploma sahaja, bilangan pelajarnya berjumlah 82,412 orang pada tahun 2004 dan angka ini meningkat menjadi 92,176 orang pada tahun 2009, iaitu hampir 39 peratus daripada pelajar diploma yang berjumlah 237,242 orang pada tahun 2009. Dalam tempoh ini pelajar yang berketurunan Cina bertambah daripada 66,212 orang kepada 88,920 orang. Pelajar yang berketurunan India pula, bertambah sebanyak sebanyak 1071 orang pada tahun 2009 berbanding dengan 34,125 orang pada tahun 2004. Bilangan pelajar daripada kaum-kaum lain yang mengikuti kursus diploma di IPTA juga berturut bertambah. Pada tahun 2009, bilangan pelajar yang tercatat ialah 20,950 orang, iaitu bertambah sebanyak 1135 orang berbanding pada tahun 2004.

Pada tahun 2004, daripada sejumlah 309,366 orang pelajar yang mengikuti kursus ijazah di IPTA, pelajar yang berketurunan Melayu atau Bumiputera ialah berjumlah 125,640 orang. Pelajar yang berketurunan Cina adalah seramai 112,530 orang manakala pelajar yang berketurunan India berjumlah 46,716 orang dan selebihnya ialah pelajar daripada keturunan lain. Pada tahun 2009 pula, pelajar yang mengikuti kursus ijazah IPTA tempatan berjumlah 351,622 orang. Daripada jumlah ini, pelajar Melayu atau Bumiputera masih lagi mengungguli dengan bilangan berjumlah 150,805 orang. Pelajar yang berketurunan Cina menduduki tempat kedua dengan jumlah 128,870 orang. Sementara itu, pelajar yang berketurunan India ialah seramai 46,137 orang manakala pelajar daripada keturunan lain berjumlah 25,810 orang.

Pendidikan di IPTA masih menjadi rebutan dalam kalangan masyarakat negara ini walaupun terdapat trend kemajuan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Namun, kedua-dua institusi ini berperanan penting untuk membantu mempercepatkan pembangunan negara.

(sumber : disesuaikan daripada Laporan Tahunan
Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia,2009)

6. Berdasarkan petikan yang diberikan, sediakan carta yang sesuai untuk **membandingkan bilangan** penduduk Malaysia mengikut kaum termasuk bukan warganegara bagi tahun 2000 dan tahun 2010. [20]

Dalam tempoh 10 tahun penduduk Malaysia telah meningkat lebih daripada 20 peratus. Pertambahan ini bukan sahaja melibatkan warganegara Malaysia, malah bukan warganegara juga turut bertambah.

Pada tahun 2000, penduduk Malaysia berjumlah 23,274,690 orang termasuk bukan warganegara dan telah meningkat kepada 28,334,135 orang pada tahun 2010. Peningkatan taraf pendidikan dan kesihatan menjadikan kadar kematian semakin berkurang. Kaum Bumiputera merupakan kumpulan tertinggi dengan jumlah 14,248,179 orang meningkat kepada 17,523,508 orang pada tahun 2010.

Kaum Cina pada tahun 2000 berjumlah 5,691,908 orang meningkat sebanyak 700,728 orang orang pada tahun 2010. Manakala kaum India meningkat sebanyak 227,695 orang menjadikan bilangan pada tahun 2010 seramai 1,907,827 orang.

Bagi kaum-kaum lain, bilangan semakin berkurang dalam tempoh berkenaan iaitu seramai 269,697 orang pada tahun 2000 menjadi 189,385 orang pada tahun 2010. Pengurangan ini berlaku kemungkinan kerana penghijrahan keluar golongan in ke negara lain.

Manakala penduduk bukan warganegara juga mempunyai bilangan yang ramai iaitu 1,384,774 orang yang mewakili 5.9 peratus penduduk Malaysia pada tahun 2000. Keperluan tenaga kerja dalam pelbagai sector menyebabkan bilangan mereka bertambah lagi sebanyak 936,005 orang pada tahun 2010. Kehadiran warga asing di negara ini mendatangkan pelbagai kesan positif dan negatif yang perlu ditangani dengan bijaksana.

(sumber : dipetik dan diubahsuaikan daripada
Jabatan Perangkaan Malaysia, Buku Matlamat
Perangkaan Malaysia 2011, halaman 4)

BAHAGIAN A (15 markah)

Jawab **semua** *soalan. Tulis jawapan dalam ruangan yang disediakan.*

1. Huraikan **dua** hasrat negara yang ingin dicapai melalui Rukun Negara. [4]

Bil	Isi/ idea	Huraian
i	Ingin mencapai perpaduan yang lebih erat	• Semua rakyat hendaklah mendukung cita-cita untuk membentuk satu bangsa dan negara.
ii	Ingin memelihara cara hidup demokratik	• Kepentingan negara hendak diutamakan daripada kepentingan sesuatu kaum atau pihak.
iii	Ingin mencipta satu masyarakat yang adil	• Supaya kemakmuran negara dapat dinikmati
iv	Ingin membentuk satu sikap yang liberal	• Masyarakat bebas mengamalkan agama, adat resam dan kebudayaan masing-masing sesuai dengan matlamat perpaduan negara.
v	Ingin membina masyarakat yang progresif dengan menggunakan sains dan teknologi moden	• Satu masyarakat yang bergerak maju sejajar dengan kemajuan sains dan teknologi/

2. Nyatakan **empat** kepentingan membina negara maju dan sejahtera [4]

Bil	Isi/ idea
i	Memanfaatkan sumber alam sekitar sepenuhnya
ii	Mengatasi masalah kependudukan
iii	Perindustrian menjadi teras perekonomian dan berkembang dengan pesat
iv	Tingkat dan kualiti hidup masyarakat tinggi
v	Mempertingkatkan eksport terutamanya hasil industri dan perkhidmatan
vi	Kemudahan prasarana yang moden dan mencukupi
vii	Meningkatkan taraf pendidikan di satu tahap yang tinggi
vi	Mempertingkatkan pendapatan penduduk
ix	Mempertingkatkan tahap kesihatan penduduk

3. Nyatakan **tiga** jenis Rancangan Pembangunan Negara yang dilaksanakan di Malaysia. [3]

Bil	Isi/ idea
i	Rangka Rancangan Jangka Panjang
ii	Rangka Rancangan Sederhana/ Rancangan Malaysia Lima Tahun
iii	Rancangan Jangka Pendek/ Belanjawan Tahunan

4. Nyatakan empat Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dalam Program Transformasi Ekonomi (PTE). [4]

Bil	Isi/ idea
i	Minyak, gas dan tenaga

BAHAGIAN B (20 markah)

Jawab **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf*

5. Berdasarkan kepada maklumat di bawah, sediakan satu graf yang sesuai untuk menunjukkan **bilangan pelajar** yang mengikut kursus peringkat Diploma dan Ijazah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan mengikut kumpulan etnik pada tahun 2004 dan tahun 2009. [20]

Rakyat bagi sesebuah negara menjadi aset penting untuk pembangunan negara. Pelbagai bidang dapat dimajukan apabila rakyat sesebuah negara itu berpendidikan tinggi. Justeru, kerajaan Malaysia telah memberi perhatian yang serius tentang pendidikan rakyatnya. Dalam satu kajian yang telah dijalankan, terdapat peningkatan yang berterusan bilangan pelajar semua kaum di negara ini yang mengikuti kursus pada peringkat diploma dan ijazah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Bilangan pelajar yang paling tinggi ialah pelajar Melayu atau Bumiputera. Pada peringkat diploma sahaja, bilangan pelajarnya berjumlah 82,412 orang pada tahun 2004 dan angka ini meningkat menjadi 92,176 orang pada tahun 2009, iaitu hampir 39 peratus daripada pelajar diploma yang berjumlah 237,242 orang pada tahun 2009. Dalam tempoh ini pelajar yang berketurunan Cina bertambah daripada 66,212 orang kepada 88,920 orang. Pelajar yang berketurunan India pula, bertambah sebanyak sebanyak 1071 orang pada tahun 2009 berbanding dengan 34,125 orang pada tahun 2004. Bilangan pelajar daripada kaum-kaum lain yang mengikuti kursus diploma di IPTA juga berturut bertambah. Pada tahun 2009, bilangan pelajar yang tercatat ialah 20,950 orang, iaitu bertambah sebanyak 1135 orang berbanding pada tahun 2004.

Pada tahun 2004, daripada sejumlah 309,366 orang pelajar yang mengikuti kursus ijazah di IPTA, pelajar yang berketurunan Melayu atau Bumiputera ialah berjumlah 125,640 orang. Pelajar yang berketurunan Cina adalah seramai 112,530 orang manakala pelajar yang berketurunan India berjumlah 46,716 orang dan selebihnya ialah pelajar daripada keturunan lain. Pada tahun 2009 pula, pelajar yang mengikuti kursus ijazah IPTA tempatan berjumlah 351,622 orang. Daripada jumlah ini, pelajar Melayu atau Bumiputera masih lagi mengungguli dengan bilangan berjumlah 150,805 orang. Pelajar yang berketurunan Cina menduduki tempat kedua dengan jumlah 128,870 orang. Sementara itu, pelajar yang berketurunan India ialah seramai 46,137 orang manakala pelajar daripada keturunan lain berjumlah 25,810 orang.

Pendidikan di IPTA masih menjadi rebutan dalam kalangan masyarakat negara ini walaupun terdapat trend kemajuan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Namun, kedua-dua institusi ini berperanan penting untuk membantu mempercepatkan pembangunan negara.

(Sumber : disesuaikan daripada Laporan Tahunan
Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia,2009)

SKEMA JAWAPAN : GRAF PIRAMID KOMPAUN

MALAYSIA : BILANGAN PELAJAR YANG MENGIKUT KURSUS PERINGKAT DIPLOMA DAN IJAZAH DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) TEMPATAN MENGIKUT KUMPULAN ETNIK PADA TAHUN 2004 DAN TAHUN 2009

Tahun / Kumpulan Etnik	Bilangan pelajar yang mengikut kursus (Orang)			
	Peringkat Diploma		Peringkat Ijazah	
	2004	2009	2004	2009
Melayu/ Bumiputera	82 412	92 176	125 640	150 805
Cina	66 212	88 920	112 530	128 870
India	34 125	35 196	46 716	46 137
Kaum-kaum lain	19 815	20 950	24 480	25 810
Jumlah	**202 564**	**237 242**	**309 366**	**351 622**

(Sumber : disesuaikan daripada Laporan Tahunan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia,2009)

BAHAGIAN C [*25 markah*]

SOALAN 7

Matlamat keenam Wawasan 2020 adalah untuk mewujudkan masyarakat yang bersifat saintifik serta progresif yang dapat mempertingkatkan keupayaan serta memacu pertumbuhan ekonomi mampan dan berdaya saing. Usaha mentransformasi sistem pendidikan merupakan salah satu strategi untuk mencapai hasrat tersebut. Bincangkan. [25]

Format : 1 + 4

Kombinasi Idea : K1 Mentansformasi sistem pendidikan (Idea Wajib)

K2 Usaha mewujudkan masyarakat yang bersifat saintifik serta progresif

Cadangan Jawapan :

Bil	Isi / Idea	Huraian
Bahagian A : Mentansformasikan Sistem Pendidikan		
1	Mentransformasikan sistem pendidikan	• Mengubah suai kurikulum ke arah sains, teknologi dan matematik (STEM)- penggunaan modul pembelajaran transdisiplin berbentuk praktis • Melahirkan generasi berpotensi menjadi pencipta teknologi • Penjenamaan pendidikan TVET- untuk memenuhi permintaan pekerja keperluan industri • Sebagai pemangkin untuk membangunkan bakat berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan ekonomi dan demi mencapai matlamat negara yang makmur, inklusif fan mampan • Sejajar dengan peralihan teknologi semasa ke arah IR4.0
Bahagian B : Usaha Mewujudkan Masyarakat Yang Bersifat Saintifik Serta Progresif		
2	Memberi pelbagai insentif untuk pembelian peralatan ICT	• Menggalakkan pemilikan peralatan dan pengaplikasian perisian komputer dalam urusan harian • Mengurangkan cukai pendapatan melalui pembelian komputer
3	Melaksanakan Dasar Sains Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN)	• Memperkenalkan konsen Sains, Teknogi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) – mengaplikasikan STIE untuk memacu ekonomi negara • Menggariskan hala tuju pelaksanaan bagi mewujudkan sebuah negara maju sains • Mentrasformasi industri dan masyarakat dari pengguna teknologi kepada pembangun teknologi dengan memanfaatkan sumber yang sedia ada • Menggalakkan penggunaan sains dan teknologi sebagai satu alat untuk pembangunan • Penggunaan S&T untuk melindungi kedaulatan negara
4	Meningkatkan kadar celik komputer/ literasi komputer	• Meningkatkan kemahiran menggunakan komputer dalam pelajaran, industri dan pengurusan penyelidikan • Memperluaskan peluang dan akses ICT kepada semua termasuk di kawasan luar bandar – capaian internet berkelajuan tinggi

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar